A

## YEW WEI LIANG lwn. PP & SATU LAGI RAYUAN

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
CHE MOHD RUZIMA GHAZALI HMR
MOHAMED ZAINI MAZLAN HMR
AZMI ARIFFIN HMR
B [RAYUAN JENAYAH NO: B-05(SH)-622-12-2023;
B-05(SH)-630-12-2023]
26 MEI 2025

C **Abstrak** – *Pembelaan pergaduhan mengejut, bawah Kecualian 4 s. 300 Kanun Keseksaan memerlukan pemenuhan kesemua empat elemen. Hanya membuktikan bahawa satu-satu perbuatan itu tidak dirancang tidak mencukupi untuk berjaya dalam pembelaan ini. Pergaduhan mengejut, bawah Kecualian 4, merujuk pada perkelahian fizikal yang spontan, tidak dirancang, dan tanpa tempoh bertenang.* D *Tempoh bertenang wujud apabila pihak yang bergaduh mempunyai masa untuk kembali tenang.*

E ***PROSEDUR JENAYAH:*** *Rayuan – Rayuan oleh pihak pendakwaan dan tertuduh – Kemarahan di jalan raya – Tertuduh melanggar dan menggilis si mati dengan keretanya – Tertuduh disabitkan atas kesalahan mematikan orang dengan salah yang tidak terjumlah pada kesalahan membunuh dan dijatuhkan hukuman pemenjaraan selama 16 tahun – Sama ada sabitan dan hukuman selamat – Kanun Keseksaan, s. 304*

F ***UNDANG-UNDANG JENAYAH:*** *Kesalahan – Mematikan orang dengan salah yang tidak terjumlah pada kesalahan membunuh – Kemarahan di jalan raya – Rayuan oleh tertuduh – Pembelaan pergaduhan mengejut – Tertuduh dan si mati tidak berpuas hati dan saling kejar-mengejar dengan kereta masing-masing di lebuh raya – Tertuduh melanggar dan menggilis si mati dengan keretanya ketika bersemuka apabila trafik perlahan – Sama ada pembelaan tertuduh berjaya menyangkal kes pendakwaan – Sama ada terdapat pergaduhan mengejut – Kanun Keseksaan, s. 300, Kecualian 4*

G ***UNDANG-UNDANG JENAYAH:*** *Kesalahan – Mematikan orang dengan salah yang tidak terjumlah pada kesalahan membunuh – Kemarahan di jalan raya – Rayuan oleh pihak pendakwaan – Hak mempertahankan diri atau harta – Tertuduh dan si mati saling tidak berpuas hati dan saling kejar–mengejar dengan kereta masing-masing di lebuh raya – Tertuduh melanggar dan menggilis si mati dengan keretanya ketika bersemuka apabila trafik perlahan – Sama ada tertuduh berhadapan dengan ancaman kematian atau kecederaan parah pada tubuh badan – Sama ada tertuduh mempunyai hak pertahanan hartanya – Sama ada ancaman telah dipatahkan – Sama ada tertuduh bertindak melebihi hak pertahanan diri atau hartanya – Kanun Keseksaan, ss. 103, 300 & 304*

H

I

Perayu ('tertuduh') dan isterinya ('SP19') dalam perjalanan di lebuh raya menaiki sebuah kereta Toyota Innova ('Innova'). Kejadian dalam kes ini bermula apabila si mati, yang memandu kereta Perodua Axia ('Axia'), tiba-tiba mengubah laluan ke hadapan Innova, menyebabkan sedikit geseran antara kedua-dua kereta. Tertuduh membunyikan hon agar si mati memberhentikan keretanya untuk menyelesaikan hal tersebut namun ini tidak diendahkan oleh si mati bahkan si mati menunjukkan isyarat lucah pada tertuduh. Maka berlakulah kejadian kejar-mengejar pada kelajuan tinggi, antara Innova dan Axia. Apabila mereka tersekat akibat kesesakan lalu lintas, tertuduh bertindak keluar dari Innova, menendang dan membuka pintu Axia yang tidak berkunci lalu menumbuk si mati bertubi-tubi dan menyeretnya keluar. Insiden tumbuk menumbuk tersebut berlarutan hinggalah dileraikan oleh lain-lain pengguna lebuh raya. Kedua-duanya kembali ke kereta masing-masing tetapi ini tidak berakhir di situ; si mati mengambil sebatang kayu besbol dari Axia lalu menghentam bonet Innova. Kejadian tersebut berkemuncak dengan tertuduh menggerakkan Innova ke hadapan, melanggar si mati hingga terjatuh dan menggilis bahagian dada si mati. Si mati dikejarkan ke hospital dan disahkan meninggal dunia. Susulan itu, tertuduh dituduh di Mahkamah Tinggi kerana melakukan pembunuhan, satu kesalahan bawah s. 302 Kanun Keseksaan ('KK'). Dalam pembelaannya, tertuduh bersandar pada isu provokasi yang dibangkitkan oleh si mati dan haknya untuk mempertahankan diri dan hartanya. Di akhir kes, Hakim Mahkamah Tinggi ('HMT') melepaskan dan membebaskan tertuduh daripada kesalahan membunuh bawah s. 302 KK. Ini kerana HMT mendapati tertuduh berhak bergantung pada Kecualian 2 s. 300 KK iaitu tindakan tertuduh terdorong oleh hasrat untuk mempertahankan hartanya, iaitu Innova, daripada dimusnahkan oleh si mati. HMT, walau bagaimanapun, mensabitkan tertuduh atas kesalahan bawah s. 304(a) KK dan menjatuhkan hukuman pemenjaraan selama 16 tahun. Maka timbul rayuan-rayuan ini oleh: (i) tertuduh terhadap sabitan dan hukumannya. Menyokong rayuannya, tertuduh menegaskan bahawa HMT gagal memberi pertimbangan wajar pada pembelaan tertuduh bahawa tiada rancangan awal atau terdahulu yang dibuat semasa berlakunya pergaduhan mengejut tersebut dan perbuatan tertuduh melanggar si mati berlaku apabila naik perasaan berang berpunca daripada pergaduhan tersebut; dan (ii) pihak pendakwaan terhadap keseluruhan keputusan HMT, khususnya terhadap dapatan HMT bahawa Kecualian 2 s. 300 KK terpakai pada fakta kes ini. Menyokong rayuannya, pihak pendakwaan menyatakan bahawa: (a) walaupun perbuatan si mati menghentam Innova dengan menggunakan kayu besbol awalnya boleh membangkitkan hak tertuduh mempertahankan hartanya, hak tersebut lenyap apabila si mati berhenti menghentam dan mula melarikan diri ke arah Axia; dan (b) ketika itu, harta tertuduh, iaitu Innova, tidak lagi dalam keadaan bahaya kemusnahan. Seterusnya, tertuduh sendiri yang memainkan peranan aktif hingga menyebabkan si mati bertindak agresif. Oleh itu, tertuduh tidak boleh mendakwa dirinya tidak bersalah dan hanya bertindak balas terhadap serangan tanpa apa-apa provokasi daripada dirinya sendiri.

**Diputuskan (menolak rayuan-rayuan)**
**Oleh Che Mohd Ruzima Ghazali HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:**

**(1)** Walaupun tertuduh dapat menunjukkan inti pati kedua Kecualian 4 s. 300 KK, iaitu tiada penyediaan awal untuk melakukan kesalahan, ini tidak memadai; tertuduh perlu memenuhi keempat-empat inti pati yang ditetapkan sebelum boleh berjaya dalam pembelaannya. Tertuduh, walau bagaimanapun, gagal menunjukkan dia berupaya bergantung pada Kecualian 4 s. 300 KK ketika melakukan kesalahan menyebabkan kematian si mati. (perenggan 49 & 51)

**(2)** 'Pergaduhan mengejut', menurut Kecualian 4 s. 300 KK, merujuk pada pertengkaran dan/atau perkelahian secara fizikal antara dua pihak, atau lebih, yang berlaku secara tiba-tiba iaitu tidak dirancang dan dengan ketiadaan masa untuk satu tempoh bertenang, tidak kira sama ada perkelahian tersebut melibatkan senjata atau tangan kosong. Tertuduh gagal memenuhi inti pati pertama Kecualian 4 s. 300 KK, iaitu wujudnya 'pergaduhan mengejut', ketika berlakunya bencana tubuh yang menyebabkan kematian si mati. Rentetan kejadian, iaitu dari kejadian pergeseran kereta, insiden kejar-mengejar, saling tumbuk menumbuk hingga si mati menghentam Innova dengan kayu besbol, jelas menunjukkan tiada elemen kejutan. Perkelahian antara kedua-duanya sudah agak lama berpanjangan sebelum itu. (perenggan 38 & 44)

**(3)** Video kejadian menunjukkan tertuduh kembali semula ke Innova selepas pergaduhannya dengan si mati dileraikan. Ini menunjukkan wujud tempoh bertenang di pihak tertuduh. Keterangan juga jelas menunjukkan SP19 berkali-kali mengingatkan tertuduh agar tidak bertindak sesuka hati dan, sejurus sebelum tertuduh melanggar si mati, kedengaran SP19 menjerit meminta tertuduh supaya tidak mengikutkan amarahnya. Dengan wujudnya tempoh bertenang tersebut, jelas bahawa tertuduh gagal memenuhi inti pati ketiga Kecualian 4 s. 300 KK. (perenggan 47)

**(4)** Tertuduh gagal memenuhi inti pati keempat Kecualian 4 s. 300 KK, iaitu dia tidak mengambil kesempatan yang tidak adil atau bertindak dengan cara yang kejam atau luar biasa semasa melakukan perbuatan yang menyebabkan kematian si mati. Perbuatan tertuduh, yang melanggar si mati menggunakan sebuah kenderaan besar, adalah kejam dan sangat tidak adil berbanding penggunaan kayu besbol oleh si mati. (perenggan 48)

**(5)** Hakim Mahkamah Tinggi terkhilaf dalam keputusan beliau apabila mendapati tertuduh berjaya menimbulkan keraguan atas kes pendakwaan melalui Kecualian 2 s. 300 KK. Walau bagaimanapun, tertuduh berjaya menunjukkan dia boleh bergantung pada Kecualian 1 s. 300 KK. Pembelaan yang dikemukakan oleh tertuduh selaras dengan

kehendak yang diperuntukkan dalam Kecualian 1 s. 300 KK. Oleh itu, tertuduh berjaya dalam pembelaannya untuk mengurangkan kesalahan membunuh pada satu kesalahan mematikan orang secara salah yang tidak terjumlah pada kesalahan membunuh. (perenggan 55 & 65)

***English*** *Headnotes*

The appellant ('accused') and his wife ('SP19') had embarked on a journey *via* the highway, in a Toyota Innova ('Innova'). The events in the present case unfolded when the deceased, who was driving a Perodua Axia ('Axia'), suddenly switched his lanes and overtook the Innova, thus causing a scrape between the two cars. The accused honked to signal the deceased to pull over in order to resolve the matter but the deceased paid no heed and went on to flash a vulgar sign to the accused. What followed was a high-speed chase between the Innova and the Axia. When heavy traffic brought the chase to a halt, the accused alighted from his Innova, kicked open the Axia's unlocked door, and threw multiple punches at the deceased before dragging him out. The punching episode persisted until the confrontation was dispersed by other traffic users. The two then approached their respective cars but the matter did not end there; the deceased retrieved a baseball bat from his Axia and proceeded to smash the Innova's bonnet. The situation came to a head when the accused drove the Innova forward, hitting the deceased until the latter collapsed, and then ran over his chest. The deceased was rushed to the hospital where he was pronounced dead. The accused was subsequently charged at the High Court, for murder, an offence pursuant to s. 302 of the Penal Code ('PC'). In his defence, the accused relied on the issue of provocation, which was triggered by the deceased, and his right to defend himself and his property. At the conclusion of the case, the High Court Judge ('HCJ') acquitted and discharged the accused from the offence of murder under s. 302 of the PC. It was the HCJ's finding that the accused could rely on Exception 2 to s. 300 of the PC, namely, that his actions were prompted by his desire to defend his property, *ie*, the Innova, from being destroyed by the deceased. The HCJ, nevertheless, convicted the accused for an offence under s. 304(a) of the PC and sentenced him to 16 years' imprisonment. Hence, the present appeals by: (i) the accused against his conviction and sentence. In support of his appeal, the accused averred that the HCJ failed to accord due appreciation of the accused's defence that there was no prior plan nor premeditation when the sudden fight ensued and that the accused's act of hitting the deceased occurred when the rage was triggered in subsequent to the said fight; and (ii) the prosecution, against the HCJ's entire decision, namely against the HCJ's finding that Exception 2 to s. 300 of the PC applied to the facts of the case at hand. In support of its appeal, the prosecution argued that: (a) even though the deceased's act of smashing the Innova, using a baseball bat, could have initially availed the accused of the right to defend his property, the said right dissipated when the deceased

A stopped smashing and started running towards his Axia; and (b) at that moment, the accused's property, *ie*, the Innova, no longer faced the danger of damage. Furthermore, the accused himself played a pivotal role in causing the deceased to act aggressively. Therefore, the accused could not claim innocence and argue that he was merely reacting to the attack *sans* any B provocation on his part.

**Held (dismissing appeals)**
**Per Che Mohd Ruzima Ghazali JCA delivering the judgment of the court:**

**(1)** Even though the accused could establish the second ingredient of C Exception 4 to s. 300 of the PC, namely that there was no prior plan to commit the offence, this was insufficient; the accused must satisfy all four stipulated ingredients before he could succeed in his defence. The accused, however, failed to demonstrate how he could place reliance on Exception 4 to s. 300 of the PC when he committed the offence that resulted in the deceased's demise.

D

**(2)** 'Sudden fight', according to Exception 4 to s. 300 of the PC, refers to a quarrel and/or a physical fight between two or more parties that occurs suddenly, in that it was unplanned and there was no time for a cooling-off period, regardless of whether the fight involved weapons or E bare hands. The accused failed to satisfy the first ingredient of Exception 4 to s. 300 of the PC, that there existed 'sudden fight' when the bodily injury causing the death of the deceased occurred. The chain of events, starting from the scraping between the cars, the high-speed chase, the exchange of blows until the deceased smashed the Innova using a baseball bat, visibly showed that there was no element of surprise. The F quarrel between the two had been going on for some time prior to that.

**(3)** The video of the incident showed the accused returning to his Innova after his fight with the deceased was broken up. This illustrated that there was indeed a cooling-off period on the accused's end. Evidence also clearly showed SP19 repeatedly reminding the accused not to act G arbitrarily and, immediately before the accused ran over the deceased, SP19 could be heard screaming, pleading with the accused not to succumb to his rage. Following the existence of the said cooling-off period, the accused had clearly failed to satisfy the third ingredient of Exception 4 to s. 300 of the PC.

H

**(4)** The accused failed to satisfy Exception 4 to s. 300 of the PC, *ie*, that he did not exercise unfair advantage or act in a cruel or unusual manner in the commission of the act that caused the deceased's death. The accused's act of running over the deceased with a large vehicle was cruel I and grossly unfair when contrasted with the deceased's use of a baseball bat.

**(5)** The HCJ erred in Her Ladyship's decision upon finding that the accused had successfully raised doubts on the prosecution's case through Exception 2 to s. 300 of the PC. The accused, nonetheless, had successfully demonstrated that he could rely on Exception 1 to s. 300 of the PC. The defence brought forth by the accused was in line with the requirements stipulated in Exception 1 to s. 300 of the PC. Ergo, the accused succeeded in his defence to reduce the offence of murder to one of culpable homicide not amounting to murder.

**Kes-kes yang dirujuk:**
*Ankush Shivaji Gaikwad v. State Of Maharashtra 2013 AIR SCW 315* ***(dirujuk)***
*Byvarapu Raju v. State of AP And Anr 2007 SCC 218* ***(dirujuk)***
*Che Omar Mohd Akhir v. PP [2007] 3 CLJ 281 FC* ***(dirujuk)***
*Chung Tain Kong v. PP [2010] 2 CLJ 397 FC* ***(dirujuk)***
*Dharman v. State of Punjab AIR 1957 Supreme Court 324* ***(dirujuk)***
*Dhirajbhai Gorakhbhai Nayak v. State Of Gujarat AIR 2003 Supreme Court 2855* ***(dirujuk)***
*Kirpal Singh v. The State AIR PUNJAB 137* ***(dirujuk)***
*Mickelson Gerald Wayne v. PP [2021] 10 CLJ 700 FC* ***(dibeza)***
*Mohamed Kunjo v. PP [1977] CLJU 74; [1977] 1 LNS 74* ***(dirujuk)***
*PP v. Awang Raduan Awang Bol [2005] 1 CLJ 649 FC* ***(dirujuk)***
*PP v. Ngumbang Abang & Another Appeal [2024] 7 CLJ 546 CA* ***(dirujuk)***
*Ravindra Shalik Naik & Anr v. State of Maharashtra AIR 2009 SC 1709* ***(dirujuk)***
*Soosay v. PP [1993] SLR 272* ***(dirujuk)***
*Vishal Singh v. State of Rajasthan (2009) CRI LJ 2243* ***(dirujuk)***
*Whiteley's Case (1829) 168 ER 1002* ***(dirujuk)***

**Perundangan yang dirujuk:**
Penal Code, ss. 103, 300(c), 302, 304(a), (b)

*Bagi pihak perayu - N Sivananthan, Nabila Habib & Sharifah Annafiza Al-Shahab Syed Fadzli; T/n Sivananthan*
*Bagi pihak responden - Ng Siew Wee; TPR*

*[Nota Pengarang: Untuk kes Mahkamah Tinggi, sila lihat PP lwn. Yew Wei Liang [2024] 9 CLJ 784 (disahkan).]*

*Dilaporkan oleh Najib Tamby*

## PENGHAKIMAN

### Che Mohd Ruzima Ghazali HMR:

### Pendahuluan

**[1]** Benarlah pepatah Melayu, "ikut rasa binasa, ikut hati mati" yang membawa maksud setiap perkara perlu dilakukan secara berhati-hati dan pertimbangan akal waras bagi mengelakkan sebarang kesan mudarat pada diri sendiri ataupun pada orang lain. Lumrahnya, kita cenderung untuk tidak berfikir panjang apabila amarah menguasai diri. Oleh itu, tidak kiralah sesuatu perkara itu kecil atau besar, kita perlulah berfikir sebelum bertindak, lebih-lebih lagi keputusan tersebut akan melibatkan orang lain.

**[2]** Begitulah yang terjadi dalam satu kejadian tragis di lebuhraya PLUS iaitu dari arah Kuala Lumpur menghala ke Seremban, di dalam kawasan Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor pada 10 Ogos 2019. Akibat daripada "ikut rasa" dan "ikut hati" yang berbangkit daripada kemarahan di jalan raya (road rage), pemandu kereta Toyota Innova dengan nombor pendaftaran MBV 1689 (kereta Innova) iaitu Yew Wei Liang (OKT) telah dituduh melakukan kesalahan membunuh dengan menyebabkan kematian Syed Muhammad Danial bin Syed Shakir (arwah Syed), pemandu kereta Perodua Axia dengan nombor pendaftaran WC 4354 R (kereta Axia). Tuduhan yang dikenakan terhadap OKT ialah sepertimana berikut:

> Bahawa kamu pada 10.8.2019, jam lebih kurang 1.00 petang hingga jam lebih kurang 2.00 petang, di alamat kilometer 293.6, Lebuhraya PLUS (Kuala Lumpur menghala ke Seremban), Kajang di dalam Daerah Hulu Langat, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan telah melakukan pembunuhan dengan menyebabkan kematian Syed Muhammad Danial bin Syed Shakir, KP: 900711-14-5729. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan.

**[3]** Di akhir kes, Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi (YA HMT) telah melepaskan dan membebaskan OKT daripada kesalahan membunuh menurut s. 302 Kanun Keseksaan (KK). Namun begitu, YA HMT telah mendapati OKT bersalah dan mensabitkan OKT dengan kesalahan menurut s. 304(a) KK. Susulan itu, OKT telah dijatuhi hukuman pemenjaraan selama 16 tahun. Terkilan dengan keputusan YA HMT, kedua-dua pihak iaitu OKT dan pendakwa raya mengemukakan rayuan ke mahkamah ini. Rayuan OKT ialah terhadap sabitan dan hukuman. Sementara itu rayuan pendakwa raya ialah terhadap keseluruhan keputusan YA HMT.

**[4]** Untuk memudahkan sebutan, pihak-pihak akan dirujuk sama sepertimana di Mahkamah Tinggi, iaitu OKT dan pihak pendakwaan (PP). Kedua-dua rayuan OKT dan pendakwa raya didengar serentak.

**Ringkasan Fakta Kejadian**

**[5]** Fakta berkaitan kejadian di Lebuhraya PLUS pada awal petang 10 Ogos 2019 tidak dipertikaikan. Episod malang yang menimpa arwah Syed bermula apabila laluan kereta Innova yang sedang dipandu oleh OKT dan ditumpangi isterinya iaitu Ser Hwee Yean (SP19) yang sedang mengandung telah secara tiba-tiba diterjah masuk oleh kereta Axia yang dipandu oleh arwah Syed kerana dikatakan sedang mengelak sebuah kereta Honda yang sedang memecut laju di lorong paling kanan lebuh raya. Akibat daripada terjahan tersebut, berlaku sedikit pergeseran di antara kereta Innova dan kereta Axia. OKT membunyikan hon keretanya agar arwah Syed memberhentikan kereta Axia untuk diselesaikan masalah pergeseran pada kereta OKT. Permintaan OKT tidak diendahkan, malahan arwah Syed dikatakan telah menunjukkan isyarat lucah menggunakan jarinya kepada OKT.

**[6]** Kemudiannya, berlaku kejadian kejar-mengejar pada kelajuan yang tinggi di antara kereta Innova dan kereta Axia sehinggalah perjalanan mereka tersekat akibat daripada kesesakan lalu lintas di KM 293.6 Lebuhraya PLUS. OKT telah keluar daripada kereta Innova walaupun ditegah oleh SP19 dan terus mendekati kereta Axia. OKT telah menendang pintu kereta Axia di bahagian pemandu sambil menjerit meminta arwah Syed keluar. OKT kemudiannya membuka pintu kereta Axia yang tidak dikunci lalu mula melepaskan tumbukan bertubi-tubi ke arah arwah Syed yang berada di dalam kereta Axia dan cuba menyeretnya keluar daripada kereta Axia. Setelah berjaya menyeret arwah Syed keluar, berlakulah lagi insiden tumbuk menumbuk sehinggalah dileraikan oleh pengguna lebuh raya yang lain. Kedua-duanya kembali ke kereta masing-masing selepas berjaya dileraikan.

**[7]** Namun begitu, api kemarahan belum lagi reda apabila arwah Syed membuka but kereta Axia lalu mengambil sebatang kayu besbol dan menghala semula ke arah kereta Innova yang sedang mengundur. Arwah Syed mula menghentam bahagian bonet hadapan sebelah kanan kereta Innova menggunakan kayu besbol. Terkesan dengan tindakan arwah Syed tersebut, OKT menukar gear kereta Innova dan mula bergerak ke hadapan. Melihat keadaan tersebut, arwah Syed menghentikan tindakannya dan mula berlari semula ke arah kereta Axia. OKT tidak memberhentikan kereta Innova, malah terus melanggar arwah Syed hingga terjatuh dan tayar depan sebelah kanan kereta Innova telah menggilis di bahagian dada arwah Syed.

**[8]** Tersedar daripada perbuatannya, OKT keluar daripada kereta Innova dan cuba memberikan pertolongan kepada arwah Syed. SP19 telah menelefon ambulans tetapi tidak kunjung tiba mungkin akibat daripada kesesakan lalu lintas. Arwah Syed telah dibawa ke Pusat Perubatan Nilai oleh adik iparnya, Azraei Arief bin Mohd Roslan (SP10) yang juga seorang pelajar perubatan yang kebetulan lalu di situ. Arwah Syed telah disahkan meninggal dunia oleh pegawai perubatan, iaitu Dr Mohd Amin bin Kamaruzzaman (SP12) setibanya di Pusat Perubatan Nilai.

**Kes PP**

**[9]** PP telah memanggil 20 orang saksi di peringkat pendakwaan. Kejadian arwah Syed menerjah masuk ke laluan OKT dan seterusnya berlaku insiden kejar-mengejar di antara kereta Innova dan kereta Axia telah disaksikan oleh Bahanizam bin Hassan (SP6). Setelah kedua-dua kereta hilang daripada pandangan semasa kejar-mengejar tersebut, SP6 melihat semula kedua-dua kereta tersebut dalam keadaan selepas berlanggar ketika dia sampai di KM 293.6 Lebuhraya PLUS. SP6 juga melihat arwah Syed sedang berpegang pada pembahagi jalan pada masa itu.

**[10]** Insiden pergelutan di antara OKT dan arwah Syed disaksikan oleh Hendri Yayon bin Azman (SP17). SP17 berjaya meleraikan pergaduhan tersebut lalu kembali ke keretanya. Sebelum bergerak, SP17 menoleh semula ke arah tempat pergaduhan dan nampak kereta Innova meluru ke hadapan

melanggar arwah Syed. SP17 meneruskan perjalanannya dan hanya membuat laporan polis pada keesokan harinya setelah tular video kejadian kemalangan dan mendapat tahu tentang kematian arwah Syed.

**[11]** SP10 telah membawa arwah Syed ke Pusat Perubatan Nilai dan telah disahkan meninggal dunia oleh SP12. Bedah siasat terhadap jenazah arwah Syed telah dilakukan oleh Dr Emizam bin Mohamadon (SP8), Pakar Perubatan Forensik di Hospital Serdang dan sebab kematian disahkan sebagai "chest and abdominal injuries due to impact by motor vehicle".

**[12]** Saksi penting PP yang menyaksikan kejadian ialah SP19 yang ada bersama di dalam kereta Innova pada masa material. SP19 juga telah merakam hampir keseluruhan kejadian menggunakan telefon bimbitnya (eks. P13B(2)). Video selama 13 minit tersebut telah dikemukakan sebagai eks. P13B(2)(b)/P13F(1)(i)(a)(2) (video kejadian). Sementara itu, Lans Koperal Henry Yek Cheng Hock (SP15) telah menyediakan transkrip bagi video kejadian yang dikemukakan sebagai eks. P45.

**Keputusan YA HMT Di Akhir Kes PP**

**[13]** Setelah meneliti keseluruhan keterangan di peringkat kes PP, YA HMT mendapati dan memutuskan bahawa PP telah berjaya membuktikan kesemua inti pati atau elemen pertuduhan yang dikenakan terhadap OKT, iaitu pertuduhan menurut s. 302 KK. Secara ringkasnya, YA HMT telah mendapati PP telah membuktikan bahawa arwah Syed telah meninggal dunia untuk memenuhi kehendak elemen pertama. Bagi elemen kedua, YA HMT mendapati PP telah membuktikan bahawa kematian arwah Syed disebabkan kecederaan yang dialaminya dan kecederaan tersebut bersesuaian dengan apa yang diperuntukkan di perenggan 300(c) KK. Akhirnya, bagi elemen ketiga, YA HMT mendapati bahawa kecederaan yang dilakukan oleh OKT terhadap arwah Syed adalah dengan niat untuk menyebabkan kecederaan yang boleh menyebabkan kematian yang telah memenuhi kehendak di perenggan 300(c) KK. Oleh itu, YA HMT telah memanggil OKT membela diri.

**Pembelaan OKT**

**[14]** OKT memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah dan memanggil dua orang saksi bagi pihak pembelaan. Secara ringkasnya, pembelaan OKT tertumpu kepada isu provokasi yang dibangkitkan oleh arwah Syed dan haknya untuk membela diri, iaitu Kecualian 1 dan Kecualian 2 yang diperuntukkan di dalam s. 300 KK. Untuk hak membela diri, OKT juga bergantung kepada peruntukan menurut s. 103 KK. Selain itu, OKT juga membangkitkan dakwaan bahawa dia amat takut semasa melihat arwah Syed meluru ke arah keretanya dengan memegang kayu besbol. Bimbang nyawanya dan SP19 terancam, OKT yang dalam keadaan ketakutan telah memegang stereng kereta Innova dengan kuat dan tidak tahu apa yang dibuat setelah itu. Fikiran OKT menjadi kosong (blank) pada masa tersebut dan hanya tersedar apabila mendengar jeritan kuat SP19.

**Keputusan YA HMT Di Akhir Kes Pembelaan**

**[15]** YA HMT telah mendapati dan memutuskan bahawa OKT berjaya menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes PP bagi pertuduhan menurut s. 302 KK. YA HMT menerima keterangan OKT berkenaan dengan hak untuk membela diri apabila hartanya, iaitu kereta Innova, telah dihentam oleh arwah Syed dengan kayu besbol. Namun begitu, YA HMT mendapati bahawa keterangan yang dikemukakan pihak pembelaan tidak mengecualikan OKT dari kesalahan jenayah kerana OKT telah bertindak melebihi had yang dibenarkan undang-undang menurut Kecualian 2 s. 300 KK semasa membela diri sehingga menyebabkan kematian kepada arwah Syed. Oleh itu, OKT didapati bersalah dan disabitkan melakukan kesalahan mematikan orang dengan salah yang tidak terjumlah kepada kesalahan membunuh arwah Syed menurut perenggan 304(a) KK. OKT telah dijatuhi hukuman pemenjaraan selama 16 tahun daripada tarikh dia ditangkap.

**Rayuan OKT**

**[16]** OKT mengemukakan 19 alasan rayuan di dalam petisyen rayuan. Namun begitu, semasa berhujah di hadapan kami, peguam OKT memfokuskan hanya kepada satu isu iaitu, YA HMT gagal membuat pertimbangan yang sewajar dan secukupnya terhadap pembelaan yang dikemukakan OKT. Pembelaan tersebut ialah berkaitan dengan apa yang berlaku semasa pergaduhan di antara OKT dengan arwah Syed yang jelas menunjukkan bahawa tiada rancangan yang terdahulu dibuat semasa pergaduhan mengejut berlaku dan perbuatan OKT melanggar arwah Syed berlaku tatkala naik perasaan berang akibat pergaduhan tersebut. Ia suatu pengecualian daripada kesalahan membunuh menurut Kecualian 4 s. 300 KK. Di dalam hujahannya, peguam OKT mengakui bahawa pembelaan pergaduhan mengejut tidak pernah dihujahkan di mana-mana peringkat di hadapan Mahkamah Tinggi.

**[17]** Namun begitu, peguam OKT berhujah bahawa fakta tersebut tidak menghalang mahkamah ini di peringkat rayuan membuat pertimbangan ke atas isu fakta dan undang-undang tersebut bersandarkan keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes *PP v. Awang Raduan Awang Bol* [2005] 1 CLJ 649; [2006] 1 MLJ 332 (kes *Awang Radan*) dan keputusan Privy Council di dalam kes *Mohamed Kunjo v. PP* [1977] CLJU 74; [1977] 1 LNS 74; [1978] 1 MLJ 51 (kes *Mohamed Kunjo*). Berpandukan keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Mickelson Gerald Wayne v. PP* [2021] 10 CLJ 700; [2022] 6 MLJ 118 (kes *Mickelson*) peguam OKT menegaskan bahawa kegagalan YA HMT untuk mempertimbangkan pembelaan pergaduhan mengejut menurut Kecualian 4 s. 300 KK di dalam keputusannya adalah suatu kegagalan membuat arahan yang menjurus kepada salah arah yang serius.

**[18]** Peguam OKT seterusnya berhujah bahawa inti pati pertama yang perlu dibuktikan ialah wujudnya pergaduhan mengejut akibat daripada suatu pertengkaran mengejut. Video kejadian jelas menunjukkan adanya adegan tumbuk menumbuk di antara OKT dengan arwah Syed. Berdasarkan fakta tersebut, jelaslah bahawa Kecualian 4 s. 300 KK terpakai berbanding dengan Kecualian 1 s. 300 KK. YA HMT seharusnya membuat pertimbangan terhadap pembelaan pergaduhan mengejut menurut Kecualian 4 s. 300 KK apabila mendapati Kecualian 1 s. 300 KK tidak terpakai sepertimana yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Mickelson*.

**[19]** Bagi membolehkan pembelaan menurut Kecualian 4 s. 300 KK memihak kepada OKT, dihujahkan bahawa OKT perlulah memenuhi inti pati kedua iaitu tiadanya rancangan awal di pihak OKT untuk menyebabkan kematian arwah Syed. Keputusan Mahkamah Tinggi di India di dalam kes *Kirpal Singh v. The State* AIR PUNJAB 137 dirujuk. Dihujahkan bahawa keterangan daripada Video kejadian, keterangan SP17 dan keterangan bedah siasat daripada SP8 jelas menunjukkan ketiadaan rancangan awal dan niat daripada pihak OKT untuk menyebabkan kematian arwah Syed.

**[20]** Seterusnya, peguam OKT berhujah bahawa inti pati ketiga yang perlu dipuaskan oleh OKT ialah, kejadian yang berlaku adalah akibat daripada keghairahan yang meluap (in the heat of passion) bersandarkan keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Mickelson*. Dihujahkan bahawa ada cukup keterangan semasa perbicaraan yang menunjukkan pertimbangan OKT diselubungi kehilangan kawalan pada akal yang mengawal perasaan dan kematian arwah Syed yang diakibatkan oleh OKT adalah semasa pergaduhan mengejutkan yang tiada peluang atau ruang untuk disejukkan keadaan. Fakta tersebut sepatutnya memihak kepada OKT untuk bergantung kepada pembelaan pergaduhan mengejut menurut Kecualian 4 s. 300 KK.

**[21]** Akhirnya, untuk inti pati keempat, OKT telah berjaya menunjukkan bahawa OKT tidak mengambil sebarang tindakan tidak adil terhadap arwah Syed dan OKT juga tidak bertindak secara kejam semasa menyebabkan kematian arwah Syed. Merujuk kepada keputusan di dalam kes *Whiteley's Case* (1829) 168 ER 1002, kes *Soosay v. PP* [1993] SLR 272 dan kes *Dharman v. State of Punjab* AIR 1957 Supreme Court 324, peguam OKT berhujah bahawa OKT tidak mengambil sebarang tindakan tidak adil dan OKT juga tidak bertindak secara kejam pada ketika itu memandangkan arwah Syed juga bersenjatakan senjata berbahaya iaitu kayu besbol.

**[22]** Kesimpulannya, peguam OKT berhujah bahawa OKT berjaya membangkitkan pembelaan pergaduhan mengejut menurut Kecualian 4 s. 300 KK. Peguam OKT mengesa kami agar campur tangan dengan mengetepikan sabitan menurut perenggan 304(a) KK yang diputuskan oleh YA HMT dan menggantikannya dengan sabitan menurut perenggan 304(b) KK serta OKT dikenakan hukuman pemenjaraan selama tujuh tahun sepertimana yang telah diputuskan Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Mickelson*.

**Rayuan Pendakwa Raya**

**[23]** Pendakwa raya mengemukakan tujuh alasan rayuan di dalam petisyen rayuan. Lima alasan berkaitan dengan sabitan dan dua alasan lagi mengenai hukuman. Mengenai sabitan, Timbalan pendakwa raya (TPR) berhujah bahawa YA HMT silap dari segi fakta dan undang-undang apabila memutuskan PP gagal membuktikan kes menurut s. 302 KK terhadap OKT. Keterangan saksi-saksi serta keterangan sokongan lain terutamanya keterangan yang tidak dipertikaikan daripada video kejadian jelas menunjukkan bahawa OKT sememangnya berniat untuk membunuh arwah Syed.

**[24]** Daripada video kejadian, TPR berhujah bahawa OKT dengan sengaja meneruskan momentum pemanduan kereta Innova ke arah hadapan walaupun pada ketika itu arwah Syed telah melarikan dirinya ke arah kereta Axia. Perbuatan tersebut jelas menampakkan niat OKT untuk mencederakan arwah Syed dan bukannya untuk mempertahankan diri. Nyatalah OKT telah menukar penggunaan kereta Innova daripada sebuah kenderaan kepada satu senjata berbahaya untuk menyerang arwah Syed.

**[25]** Turut dihujahkan bahawa keterangan fizikal berkaitan dengan kecederaan yang dialami arwah Syed jelas menunjukkan OKT tahu sifat dan akibat daripada perbuatannya melanggar arwah Syed dengan menggunakan kereta Innova. Keterangan daripada SP8 menyatakan bahawa ada tanda kesan tayar pada dada arwah Syed dan tanda kesan tayar tersebut adalah sepadan dengan tayar kereta Innova.

**[26]** Akhirnya dihujahkan bahawa berdasarkan keterangan yang ada, OKT tidak boleh bergantung kepada mana-mana kecualian yang diperuntukkan menurut s. 300 KK. Fakta-fakta kes yang tidak dipertikaikan oleh pihak pembelaan sendiri telah menidakkan hak OKT untuk bergantung kepada mana-mana kecualian yang diperuntukkan menurut s. 300 KK.

**[27]** TPR kemudiannya menyimpulkan bahawa daripada keseluruhan keterangan yang ada, PP telah tanpa sebarang keraguan yang munasabah berjaya membuktikan pertuduhan kesalahan membunuh terhadap OKT menurut s. 302 KK. TPR mengesa kami mengubah keputusan HMT dan membuat sabitan terhadap OKT kerana kesalahan membunuh dengan niat.

**Analisis Dan Dapatan Kami**

**[28]** Seyogia diingatkan bahawa di hadapan kami ada dua rayuan yang dikemukakan oleh OKT dan juga oleh pendakwa raya. Analisis dan dapatan kami ialah terhadap keseluruhan kes dan kami akan membuat keputusan terhadap kedua-dua rayuan secara bersekali.

A **Rayuan OKT**

**[29]** Sebagai pembuka perbincangan, perlu ditekankan bahawa peguam OKT hanya mengemukakan satu isu sahaja di hadapan kami. Peguam OKT hanya fokus kepada hujahan mengenai isu kekhilafan YA HMT yang dikatakan gagal membuat pertimbangan sewajar dan secukupnya terhadap
B pembelaan yang dikemukakan OKT. Pembelaan yang dimaksudkan ialah berkaitan dengan apa yang telah berlaku di antara OKT dengan arwah Syed yang jelas menunjukkan bahawa tiada rancangan awal atau terdahulu dibuat semasa berlakunya pergaduhan mengejut tersebut. Turut dihujahkan bahawa perbuatan OKT melanggar arwah Syed berlaku tatkala naik perasaan berang
C berpunca daripada pergaduhan tersebut. Peguam OKT membuat kesimpulan bahawa fakta kes jelas menunjukkan pembelaan yang dibangkitkan OKT bersesuaian dengan pengecualian kepada kesalahan membunuh menurut Kecualian 4 s. 300 KK.

D **[30]** Semenjak dari awal penghujahan lagi, peguam OKT menyatakan bahawa OKT tidak berhasrat untuk lari daripada tanggungan bersalah. Walaupun begitu, fakta yang diasaskan kepada keterangan yang ada jelas menunjukkan bahawa OKT sepatutnya dituduh dan disabitkan terhadap kesalahan menurut perenggan 304(b) KK dan bukannya perenggan 304(a) KK. Dengan kata lain, dihujahkan bahawa YA HMT gagal membuat
E pertimbangan terhadap elemen niat OKT untuk menyebabkan kematian atau niat untuk mendatangkan kecederaan yang berkemungkinan menyebabkan kematian terhadap arwah Syed, selaras dengan pembelaan pergaduhan mengejut.

F **[31]** Perlu juga ditekankan bahawa peguam OKT mengakui yang pembelaan pergaduhan mengejut tidak pernah dibangkitkan dan dihujahkan di mana-mana peringkat di hadapan YA HMT. Namun begitu, peguam OKT berhujah bahawa kami di peringkat rayuan masih boleh membuat pertimbangan ke atas pembelaan yang boleh memihak kepada OKT walaupun ia tidak dibangkitkan sebelumnya di mahkamah bicara. Kami
G bersetuju dengan hujahan peguam OKT tersebut bersandarkan kepada keputusan-keputusan mahkamah tertinggi yang dirujuk peguam OKT di dalam kes *Awang Radan*, kes *Mohamed Kunjo* dan kes *Mickelson*. Dengan itu, isu yang dibangkitkan berkaitan dengan pembelaan pergaduhan mengejut menurut Kecualian 4 s. 300 KK masih boleh diberi pertimbangan di
H peringkat rayuan di hadapan kami. Tambahan pula, kami juga berpandangan bahawa hujahan peguam OKT berhubung dengan isu tersebut masih lagi berada di dalam lingkungan lingkup alasan yang dinyatakan secara umum di dalam petisyen rayuan, khususnya di perenggan 16 hingga 18.

**[32]** Berlandaskan kepada hujahan peguam OKT tersebut, kami akan
I menghadkan pertimbangan kami kepada satu isu sahaja dalam rayuan OKT, iaitu isu berhubungan dengan pembelaan pergaduhan mengejut dan pemakaian peruntukan Kecualian 4 s. 300 KK. Dengan itu, isu-isu lain yang

dinyatakan di dalam petisyen rayuan tidak perlu lagi kami pertimbangkan kerana telah diabaikan oleh pihak OKT. Perlu juga ditegaskan bahawa seiring dengan kupasan kami terhadap isu yang dibangkitkan peguam OKT, sudah pastinya kami akan menjawab persoalan-persoalan atau isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak pendakwa raya di dalam rayuannya.

**Pembelaan OKT – Pergaduhan Mengejut**

**[33]** Undang-undang berkaitan dengan pembelaan oleh seseorang yang telah melakukan perbuatan bunuh akibat daripada suatu pergaduhan mengejut ada diperuntukkan dengan jelas di dalam Kecualian 4 s. 300 KK. Diperturunkan peruntukan tersebut sepertimana berikut:

> Exception 4 - Culpable homicide is not murder if it is committed without premeditation in a sudden fight in the heat of passion upon a sudden quarrel, and without the offender having taken undue advantage or acted in a cruel or unusual manner.
>
> Explanation - It is immaterial in such cases which party offers the provocation or commits the first assault.

**[34]** Perkataan "sudden fight" yang diterjemahkan sebagai "pergaduhan mengejut" dalam Bahasa Melayu tidak ada ditafsirkan di mana-mana peruntukan di dalam KK. Menurut Kamus Dewan Perdana keluaran Dewan Bahasa dan Pustaka cetakan pada tahun 2021, perkataan "gaduh" iaitu kata dasar kepada perkataan "pergaduhan" diertikan sebagai "pertengkaran atau perkelahian". Jika dilihat kepada makna perkataan "tengkar" iaitu kata dasar kepada perkataan "pertengkaran" di dalam Kamus Dewan Perdana, ia membawa maksud "pertelingkahan, perbalahan dsb antara dua orang atau lebih". Untuk perkataan "kelahi" iaitu kata dasar kepada perkataan "perkelahian" pula, ia telah diertikan oleh Kamus Dewan Perdana sebagai "perbuatan bergaduh dengan berlawan cakap, bertumbuk, tidak bertegur sapa". Sementara itu, carian dalam talian di laman web kamus Bahasa Inggeris, perkataan "fight" di antara lainnya diertikan sepertimana berikut:

> (i) https://www.oxfordreference.com: a violent confrontation or struggle.
>
> (ii) https://dictionary.cambridge.org: to use physical force to try to defeat another person or group of people.
>
> (iii) https://thelawdictionary.org: An encounter, with blows or other personal violence, between two persons.
>
> (iv) https://www.ldoceonline.com: fight a situation in which people hit or attack each other because of an argument, or as a sport.

**[35]** Untuk perkataan "sudden" yang diterjemahkan sebagai "mengejut" dalam Bahasa Melayu, Kamus Dewan Perdana memberikan erti berikut, "1. (bukan serangan, kedatangan dsb) dalam keadaan berlaku atau dilakukan dengan tiba-tiba atau tidak disangka-sangka: 2. (turun, terhenti dll) dengan

A tiba-tiba atau tidak disangka-sangka". Carian dalam talian di laman web kamus Bahasa Inggeris, perkataan "sudden" di antara lainnya diertikan sepertimana berikut:

> (i) https://www.oxfordlearnersdictionaries.com: happening or done quickly and unexpectedly.
>
> B
>
> (ii) https://dictionary.cambridge.org: happening or done quickly and without warning.
>
> (iii) https://www.collinsdictionary.com: happening quickly and unexpectedly.
>
> C (iv) https://www.merriam-webster.com: as in unexpected or not expected.

**[36]** Daripada makna perkataan-perkataan tersebut dari segi bahasanya, kami berpandangan bahawa perkataan "pergaduhan mengejut" yang digunakan di dalam Kecualian 4 s. 300 KK bolehlah diertikan sebagai satu perbuatan yang melibatkan "pertengkaran" dan/atau "perkelahian" di antara
D dua pihak atau lebih, dan ianya berlaku secara tiba-tiba tanpa diduga. Dengan kata lain, kejadian "pergaduhan mengejut" boleh bermula dengan "pertengkaran" dan merebak menjadi suatu "perkelahian" dalam masa yang singkat.

**[37]** Untuk memahami dengan lebih lanjut makna "pergaduhan mengejut"
E menurut undang-undang, kami merujuk kepada keputusan Mahkamah Agung di India di dalam kes *Dhirajbhai Gorakhbhai Nayak v. State Of Gujarat* AIR 2003 Supreme Court 2855 yang keputusannya ialah sepertimana berikut:

> The Fourth Exception of Section 300, IPC covers acts done in a sudden
> F fight. The said exception deals with a case of prosecution not covered by the first exception, after which its place would have been more appropriate. The exception is founded upon the same principle, for in both there is absence of premeditation. But, while in the case of Exception 1 there is total deprivation of self-control, in case of Exception 4, there is only that heat of passion which clouds men's sober reason and urges
> G them to deeds which they would not otherwise do. There is provocation in Exception 4 as in Exception 1; but the injury done is not the direct consequence of that provocation. In fact, Exception 4 deals with cases in which notwithstanding that a blow may have been struck, or some provocation given in the origin of the dispute or in whatever way the quarrel may have originated, yet the subsequent conduct of both parties
> H puts them in respect of guilt upon equal footing. *A 'sudden fight' implies mutual provocation and blows on each side*. The homicide committed is then clearly not traceable to unilateral provocation, nor in such cases could the whole blame be placed on one side. For if it were so, the Exception more appropriately applicable would-be Exception 1. There is no previous deliberation or determination to fight. A fight suddenly takes place, for
> I which both parties are more or less to be blamed. It may be that one of them starts it, but if the other had not aggravated it by his own conduct

it would not have taken the serious turn it did. There is then mutual provocation and aggravation, and it is difficult to apportion the share of blame which attaches to each fighter. The help of Exception 4 can be invoked if death is caused (a) without premeditation, (b) in a sudden fight; (c) without the offender's having taken undue advantage or acted in a cruel or unusual manner; and (d) the fight must have been with the person killed. To bring a case within Exception 4 all the ingredients mentioned in it must be found. *It is to be noted that the 'fight' occurring in Exception 4 to Section 300, IPC is not defined in the IPC. It takes two to make a fight*. Heat of passion requires that there must be no time for the passions to cool down and in this case, the parties have worked themselves into a fury on account of the verbal altercation in the beginning. *A fight is a combat between two and more persons whether with or without weapons. It is not possible to enunciate any general rule as to what shall be deemed to be a sudden quarrel. It is a question of fact and whether a quarrel is sudden or not must necessarily depend upon the proved facts of each case*. For the application of Exception 4, it is not sufficient to show that there was a sudden quarrel and there was no premeditation. It must further be shown that the offender has not taken undue advantage or acted in cruel or unusual manner. The expression 'undue advantage' as used in the provision means 'unfair advantage'.

(penekanan ditambah)

Lihat juga keputusan di dalam kes *Ravindra Shalik Naik & Anr v. State of Maharashtra* AIR 2009 SC 1709; kes *Vishal Singh v. State of Rajasthan* (2009) CRI LJ 2243 dan kes *Byvarapu Raju v. State of AP And Anr* 2007 SCC 218.

**[38]** Daripada analisis terhadap makna dari segi bahasa dan juga makna menurut prinsip undang-undang tersebut, bolehlah disimpulkan bahawa perkataan "pergaduhan mengejut" menurut Kecualian 4 s. 300 KK merujuk kepada pertengkaran dan/atau perkelahian secara fizikal di antara dua pihak atau lebih yang berlaku secara tiba-tiba iaitu tidak dirancang dan dengan ketiadaan masa untuk suatu tempoh bertenang, tidak kiralah sama ada perkelahian tersebut ada melibatkan senjata ataupun tangan kosong.

**[39]** Bagi membolehkan seseorang yang dituduh dengan kesalahan membunuh bergantung kepada Kecualian 4 s. 300 KK, terdapat beberapa keadaan yang perlu dipenuhi. Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Mickelson* telah memutuskan sepertimana berikut:

[76] It is trite law that culpable homicide is not murder if the case falls within any of the five exceptions to s. 300 PC. Exception 4 covers acts done in a sudden fight. It acknowledges that in the heat of passion, a man's judgment may be clouded by a momentary loss of control of his essential mental faculties governing emotion. Exception 4 becomes relevant only when Exception 1 does not apply. To invoke Exception 4, the following conditions must be satisfied:

(i) it was a sudden fight which originated from a sudden quarrel;

(ii) there was no premeditation;

A (iii) the act occurred in the heat of passion; and

(iv) the accused had not taken unfair advantage or acted in a cruel or unusual manner.

Manakala di dalam kes *Ankush Shivaji Gaikwad v. State Of Maharashtra* 2013 AIR SCW 3153, Mahkamah Agung India di antara lainnya memutuskan:

B

... The help of Exception 4 can be invoked if death is caused

(a) without premeditation, (b) in a sudden fight: (c) without the offender's having taken undue advantage or acted in a cruel or unusual manner; and (d) the fight must have been with the person killed. To bring a case within Exception 4 all the ingredients mentioned in it must be found. ...

C

Nampaknya, peruntukan undang-undang dan prinsip undang-undang yang diputuskan oleh mahkamah menghendaki orang yang berhasrat untuk bergantung kepada Kecualian 4 s. 300 KK memenuhi kesemua inti pati yang telah ditetapkan.

D

**[40]** Kembali kepada rayuan OKT di hadapan kami, fakta berkaitan kejadian malang yang berlaku pada 10 Ogos 2019 yang telah menyebabkan kematian kepada arwah Syed, tidaklah dipertikaikan. Keterangan secara terus daripada saksi-saksi yang menyaksikan kejadian dan lebih penting lagi keterangan daripada video kejadian yang dirakam SP19 yang dijadikan

E

sandaran oleh PP dan juga oleh pihak pembelaan sangatlah relevan. Kami berpeluang melihat sendiri rakaman video kejadian. Gambar-gambar tangkapan skrin daripada rakaman video kejadian juga turut dikemukakan oleh peguam OKT dan dikepilkan di dalam "TAB 1" ikatan dokumen dan autoriti di kandungan 32 rekod rayuan (RR).

F

**[41]** Persoalannya, apakah fakta kejadian sepertimana yang dapat dilihat daripada video kejadian dan keterangan saksi-saksi PP dapat memenuhi hasrat OKT untuk bergantung kepada Kecualian 4 s. 300 KK? Bagi mengimbau kembali, secara ringkasnya episod malang yang menimpa arwah Syed bermula selepas OKT dan arwah Syed melepasi plaza tol Sungai Besi

G

menghala ke Seremban. Arwah Syed yang ingin mengelak sebuah kereta Honda yang dipandu laju di lorong paling kanan telah menerjah masuk laluan kereta Innova sehingga menyebabkan berlaku sedikit pergeseran. OKT yang tidak berpuas hati dengan kejadian tersebut telah meminta arwah Syed berhenti tetapi tidak diendahkan. SP19 atas saranan OKT telah mula

H

merakam apa yang berlaku menggunakan telefon bimbitnya.

**[42]** Daripada rakaman video kejadian, jelas menunjukkan bahawa adegan kejar-mengejar di antara kereta Innova dan kereta Axia berlaku dalam tempoh yang agak lama, iaitu sekitar lebih daripada tujuh minit sehinggalah kedua-dua kereta terpaksa berhenti akibat daripada kesesakan lalu lintas di

I

lebuhraya PLUS. Semasa adegan kejar-mengejar tersebut, SP19 telah menghubungi pihak polis untuk melaporkan pemanduan secara cuai oleh

arwah Syed sepertimana yang dapat didengari dalam video kejadian pada durasi satu minit 47 saat sehingga durasi tujuh minit 11 saat. Setelah kedua-dua kenderaan berhenti seperti yang dapat dilihat dalam video kejadian pada durasi tujuh minit dan 20 saat, OKT kelihatan keluar daripada kereta Innova menuju ke kereta Axia. Kemudiannya kelihatan OKT berteriak kepada arwah Syed memintanya keluar daripada kereta Axia, menendang pintu kereta Axia, menumbuk secara bertubi-tubi ke arah arwah Syed yang masih berada di dalam kereta Axia dan membuka pintu kereta Axia lalu menyeret arwah Syed keluar. Pada masa tersebut sekali lagi kelihatan OKT bertubi-tubi menumbuk arwah Syed dan dibalas oleh arwah Syed dengan cara menumbuk dan menendang ke arah OKT. Setelah itu, adegan pertengkaran dan perkelahian berterusan sehinggalah kelihatan SP17 memberhentikan tindakan OKT dan berjaya meleraikan mereka. Kedua-duanya kembali ke kereta masing-masing. Kesemuanya dapat dilihat di dalam video kejadian pada durasi tujuh minit 20 saat hingga sembilan minit 22 saat. Setelah itu, pada durasi video kejadian menunjukkan sembilan minit 34 saat, tiba-tiba arwah Syed keluar daripada kereta Axia lalu menuju ke but dan mengambil sebatang kayu besbol. Pada masa itu, OKT telah mula mengundurkan kereta Innova. Pada durasi video kejadian menunjukkan sembilan minit 42 saat, arwah Syed mengayun kayu besbol dan menghentam bahagian depan sebelah kanan kereta Innova sebanyak tiga kali. OKT mula menggerakkan kereta Innova ke hadapan menyebabkan arwah Syed cuba melarikan dirinya ke arah kereta Axia. OKT tidak memberhentikan kereta Innova sehingga melanggar arwah Syed sepertimana yang dapat didengari kesan pelanggaran dan dapat dilihat dalam video kejadian pada durasi sembilan minit 47 saat. Pada durasi sembilan minit 48 saat video kejadian, kelihatan arwah Syed jatuh dan kereta Innova telah menggilisnya.

**[43]** Begitulah rentetan kejadian yang dapat dilihat dan didengari daripada keterangan yang tidak dipertikaikan kesahihannya, iaitu video kejadian. Persoalannya ialah, bolehkah OKT bergantung kepada peruntukan menurut Kecualian 4 s. 300 KK dalam pembelaannya terhadap pertuduhan membunuh berdasarkan kepada rentetan kejadian tersebut? Kami berpandangan bahawa jawapan kepada persoalan tersebut seharusnya dijawab secara negatif. Jelasnya, OKT gagal memuaskan kehendak yang diperlukan menurut Kecualian 4 s. 300 KK.

**[44]** Hasil penelitian, kami mendapati OKT gagal memenuhi inti pati pertama Kecualian 4 s. 300 KK, iaitu wujudnya "pergaduhan mengejut" ketika berlakunya bencana tubuh yang menyebabkan kematian arwah Syed. Rentetan kejadian iaitu daripada kejadian pergeseran kereta, insiden kejar-mengejar, saling tumbuk menumbuk sehinggalah arwah Syed mengambil tindakan menghentam kereta Innova dengan kayu besbol secara jelas menunjukkan bahawa tiadanya elemen kejutan. Dengan kata lain, kejadian OKT melanggar arwah Syed bukannya berlaku secara tiba-tiba dan tidak dapat dijangka. Hakikatnya, kejadian tersebut tidak boleh dipertikaikan

berlaku akibat rasa marah yang memuncak daripada di pihak OKT hasil rentetan kejadian tersebut. Jelasnya, keterangan menunjukkan ketiadaan elemen kejutan dalam pergaduhan yang menyebabkan OKT bertindak melanggar arwah Syed memandangkan perkelahian di antara kedua-duanya telah berpanjangan agak lama sebelum daripada itu.

**[45]** Tambahan pula, keterangan secara jelas menunjukkan bahawa tiada pertengkaran dan/atau perkelahian secara fizikal yang berlaku di antara OKT dan arwah Syed sejurus sebelum arwah Syed dilanggar oleh OKT. Pada ketika tersebut, arwah Syed berada di hadapan kereta Innova dan OKT pula berada di dalam kereta. Dengan kata lain, kedua-dua mereka tidak terlibat dalam pergaduhan secara fizikal yang melibatkan tubuh badan mereka seperti perbuatan tumbuk menumbuk atau tendang menendang. Pada pandangan kami, keadaan tersebut tidak boleh sama sekali disifatkan sebagai berlakunya satu "pergaduhan mengejut" di antara OKT dan arwah Syed.

**[46]** Selain itu, keterangan juga menunjukkan adanya laporan polis yang dibuat melalui panggilan telefon oleh SP19 semasa OKT sedang mengejar kereta Axia. OKT sepatutnya mematuhi arahan oleh pihak polis yang memintanya ke Balai Polis Kajang setelah laporan dibuat. Daripada rakaman video kejadian pada durasi enam minit dan 11 saat dapat dilihat adanya jalan susur keluar ke Southville dan Dengkil yang boleh diambil OKT untuk ke Balai Polis Kajang. OKT tidak berbuat demikian, sebaliknya dia terus mengejar kereta Axia. Daripada keterangan tersebut, jelaslah bahawa tiada lagi elemen "pergaduhan mengejut" sebelum atau semasa OKT bertindak melanggar arwah Syed.

**[47]** Kemudiannya, video kejadian secara nyata menunjukkan OKT telah kembali semula ke kereta Innova selepas dileraikan daripada pergaduhan dengan arwah Syed. Fakta tersebut jelas menunjukkan bahawa telah wujud tempoh bertenang daripada pihak OKT. Keterangan juga jelas menunjukkan bahawa SP19 telah berkali-kali mengingatkan OKT untuk tidak bertindak sesuka hati dan sejurus sebelum daripada perbuatan OKT melanggar arwah Syed, kedengaran SP19 menjerit meminta OKT tidak mengikut rasa marahnya. Dengan adanya fakta yang menunjukkan wujudnya tempoh bertenang tersebut, jelaslah bahawa OKT juga gagal untuk memenuhi inti pati ketiga Kecualian 4 s. 300 KK.

**[48]** Akhirnya, kami juga mendapati bahawa OKT gagal memenuhi inti pati keempat Kecualian 4 s. 300 KK, iaitu OKT tidak mengambil kesempatan yang tidak adil atau bertindak dengan cara yang kejam atau luar biasa semasa melakukan perbuatan yang menyebabkan kematian arwah Syed. Daripada fakta, kami mendapati bahawa perbuatan OKT melanggar arwah Syed dengan menggunakan sebuah kenderaan yang besar adalah kejam dan sangatlah tidak adil berbanding dengan penggunaan kayu besbol oleh arwah Syed. Hakikatnya, kerugian yang dialami OKT akibat daripada perbuatan

arwah Syed menghentam kereta Innova dengan kayu besbol boleh dipampas melalui tuntutan ganti rugi, berbanding dengan perbuatan OKT yang jelas boleh mendatangkan bencana tubuh yang lazimnya boleh menyebabkan kehilangan nyawa yang mustahil boleh diganti.

**[49]** Berasaskan kepada keadaan-keadaan tersebut, walaupun OKT dapat menunjukkan bahawa inti pati kedua Kecualian 4 s. 300 KK, iaitu tiadanya penyediaan awal untuk melakukan kesalahan, tidaklah memadai. Ini kerana, OKT perlu memenuhi keempat-empat inti pati yang telah ditetapkan sebelum ia boleh berjaya dalam pembelaannya menurut Kecualian 4 s. 300 KK.

**[50]** Sehubungan dengan itu, hujahan peguam perayu yang sangat menekankan fakta yang menyatakan kejadian berlaku di dalam ruang waktu yang sangat singkat, iaitu lebih kurang sepuluh saat sahaja sehinggakan OKT tidak sedar apa yang telah berlaku tidak boleh diterima sebagai asas pertimbangan kami. Kelakuan dan tindak tanduk OKT pada masa yang material jelas menunjukkan OKT sememangnya berniat untuk melanggar arwah Syed setelah berang dengan tindakan arwah Syed menghentam kereta Innova sebanyak tiga kali sebelum itu. Perbuatan OKT yang bukan semata-mata melanggar, OKT malahan terus menggilis arwah Syed di bahagian dada menunjukkan OKT berniat untuk mendatangkan bencana tubuh terhadap arwah Syed. Pergantungan kuat peguam OKT kepada keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Mickelson* adalah tidak berasas. Dalam hal ini, kami bersetuju dengan hujahan TPR berkaitan dengan perbezaan ketara fakta kes di dalam kes *Mickelson* berbanding dengan fakta kes di dalam rayuan di hadapan kami. Untuk menyenangkan rujukan, kami perturunkan perenggan 63 hujahan TPR sepertimana berikut:

> [63] It is the prosecution's respectful submission that the circumstances in *Mickelson* (*supra*) differ fundamentally from the present case in several crucial aspects:
>
> (i) Nature of physical confrontation - In *Mickelson* (*supra*), there was a close-quarters physical struggle between unarmed individuals. In the present case, while there was an initial physical altercation, it had been broken up by SP17 and had completely ended before the fatal incident occurred.
>
> (ii) Timing and sequence - *Mickelson* (*supra*) involved an immediate defensive response during an ongoing attack. The present case shows the Appellant choosing to re-engage after the initial fight had been broken up and making a deliberate decision to drive forward at the deceased.
>
> (iii) Opportunity to disengage - In *Mickelson* (*supra*), the appellant husband was trapped in a confined hotel room with his ex-wife (the attacker). In the present case, the Appellant and his wife was safely inside the vehicle and the Appellant had multiple options to disengage, including remaining stationary or reversing.

(iv) Victim's position - in *Mickelson* (*supra*), the deceased ex-wife was actively engaging in combat. In the present case, the deceased was attempting to flee when struck, having turned away from the Appellant.

(v) Weapon used - *Mickelson* (*supra*) involved no weapons. The present case involved the Appellant deliberately using a heavy motor vehicle as a weapon against another road user.

**[51]** Berdasarkan kepada alasan-alasan yang dinyatakan tersebut, kami mendapati dan memutuskan OKT gagal menunjukkan bahawa pihaknya berupaya untuk bergantung kepada Kecualian 4 s. 300 KK ketika melakukan kesalahan menyebabkan kematian kepada arwah Syed. Dengan itu, rayuan OKT yang berasaskan kepada satu-satunya alasan seperti yang dihujahkan peguamnya tidak bermerit untuk diberikan sebarang pertimbangan.

**Rayuan Pendakwa Raya**

**[52]** Di dalam keputusan di akhir kes pembelaan, YA HMT mendapati PP tanpa sebarang keraguan yang munasabah telah berjaya membuktikan OKT berniat hendak menyebabkan bencana tubuh terhadap arwah Syed dan OKT tahu bencana tubuh itu mungkin boleh menyebabkan kematian arwah Syed. Perbuatan tersebut terjumlah kepada kesalahan membunuh berdasarkan peruntukan perenggan 300(c) KK. Namun begitu, YA HMT seterusnya mendapati bahawa OKT telah berjaya menimbulkan keraguan munasabah terhadap pertuduhan menurut s. 302 KK. Ini kerana, keterangan secara keseluruhan yang dikemukakan telah menunjukkan OKT berhak untuk bergantung kepada Kecualian 2 s. 300 KK iaitu tindakan dan perbuatan OKT didorong oleh hasrat untuk mempertahankan hartanya, iaitu kereta Innova, daripada dimusnahkan oleh arwah Syed. Dengan itu YA HMT telah mensabitkan OKT dengan kesalahan menurut perenggan 304(a) KK, iaitu walaupun OKT telah menyebabkan kematian arwah Syed tetapi oleh kerana OKT berjaya membangkitkan Kecualian 2 s. 300 KK, perbuatan tersebut tidak terjumlah kepada kesalahan membunuh, tetapi hanya kesalahan mematikan orang secara salah sahaja.

**[53]** Dalam rayuannya, TPR berhujah bahawa YA HMT khilaf kerana mendapati Kecualian 2 s. 300 KK terpakai kepada fakta kes di dalam rayuan ini. Dihujahkan bahawa, walaupun perbuatan arwah Syed menghentam kereta Innova dengan menggunakan kayu besbol boleh membangkitkan hak pihak OKT untuk mempertahankan hartanya pada peringkat awalnya tetapi hak tersebut telah lenyap apabila arwah Syed berhenti daripada menghentam kereta Innova dan mula melarikan diri ke arah kereta Axia. Pada ketika itu, harta OKT iaitu kereta Innova tidak lagi berada dalam keadaan bahaya kemusnahan. Sementelahan lagi, OKT sendiri telah memainkan peranan yang aktif sehingga menyebabkan arwah Syed bertindak agresif. OKT tidak boleh mendakwa dirinya sebagai pihak yang tidak bersalah dan hanya bertindak balas terhadap serangan tanpa apa-apa provokasi daripada pihaknya.

**[54]** Hasil penelitian kami terhadap keterangan yang ada, kami mendapati tiada alasan yang kukuh untuk kami tidak bersetuju dengan hujahan TPR tersebut. Sepertimana yang kami telah nyatakan dalam rentetan kejadian pada perenggan [42] sebelum ini, kami mendapati tindakan OKT bukanlah sekadar membela diri demi untuk menyelamatkan hartanya sepertimana dapatan YA HMT. Sekali lagi kami tekankan bahawa, perbuatan OKT yang bukannya setakat melanggar malahan terus bertindak menggilis di bahagian dada arwah Syed dengan kereta Innova, tidak langsung mencerminkan perbuatan tersebut dibuat secara suci hati. Selain itu, tindakan tersebut juga jelas telah melampaui had pertahanan diri yang dibenarkan undang-undang menurut Kecualian 2 s. 300 KK yang peruntukannya ialah sepertimana berikut:

> Exception 2 - Culpable homicide is not murder if the offender, in the exercise in good faith of the right of private defence of person or property, exceeds the power given to him by law, and causes the death of the person against whom he is exercising such right of defence, without premeditation and without any intention of doing more harm than is necessary for the purpose of such defence.

Lihat di antara lainnya keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Chung Tain Kong v. PP* [2010] 2 CLJ 397; [2010] 2 MLJ 732 dan keputusan Mahkamah ini di dalam kes *PP v. Ngumbang Abang & Another Appeal* [2024] 7 CLJ 546; [2024] 4 MLJ 796.

**[55]** Berdasarkan dapatan kami tersebut, ternyatalah YA HMT terkhilaf di dalam keputusannya apabila mendapati bahawa OKT telah berjaya menimbulkan keraguan kepada kes PP melalui peruntukan Kecualian 2 s. 300 KK. Persoalan seterusnya, bolehkah kami membenarkan rayuan pendakwa raya dan mensabitkan OKT dengan kesalahan membunuh menurut s. 302 KK berdasarkan keterangan yang ada.

**[56]** Sepertimana fakta yang tidak dipertikaikan, punca kejadian ialah kemarahan di jalan raya (road rage). Kami berpandangan bahawa perkelahian yang agak panjang di antara OKT dengan arwah Syed boleh dibahagikan kepada tiga peringkat. Rasa amarah OKT bermula daripada perbuatan arwah Syed yang tiba-tiba menerjah masuk ke laluan kereta Innova sehingga menyebabkan sedikit pergeseran. Saranan OKT supaya arwah Syed berhenti untuk diselesaikan masalah di antara mereka tidak diendahkan, malahan di balas dengan isyarat lucah oleh arwah Syed. Di peringkat pertama, berlaku kejar-mengejar di antara kereta Innova dengan kereta Axia. Pada peringkat tersebut, nyatanya tiadalah sebarang pertembungan secara fizikal dan hanya bersifat emosional walaupun ada provokasi daripada tindakan arwah Syed.

**[57]** Peringkat kedua perkelahian ialah semasa laluan kedua-dua kereta mereka tersekat akibat kesesakan lalu lintas di lebuhraya PLUS. Pada peringkat ini, berlaku pergaduhan secara fizikal apabila OKT bertindak agresif dengan mula menumbuk arwah Syed yang masih berada di dalam

kereta Axia dan kemudiannya berjaya menyeret arwah Syed keluar dan berlakulah adegan tumbuk menumbuk dan tendang menendang sehinggalah berjaya dileraikan SP17. Kedua-dua pihak kembali ke kereta masing-masing dan nampaknya pergaduhan di antara mereka telah berjaya diatasi.

**[58]** Kemudiannya berlaku perkelahian di peringkat ketiga, apabila dengan tidak semena-mena arwah Syed yang tidak berpuas hati dengan tindakan OKT telah mula menyerang kereta Innova dengan menggunakan kayu besbol. Arwah Syed menghentam di bahagian bonet depan kereta Innova menyebabkan OKT yang sedang mengundurkan keretanya pada masa itu telah kelihatan menukar gear kereta Innova dan mula bergerak ke hadapan. Tindakan tersebut jelasnya ialah suatu tindakan tindak balas akibat daripada perbuatan arwah Syed.

**[59]** Setelah diteliti, kami berpandangan bahawa di setiap peringkat perkelahian telah wujud elemen provokasi yang berbeza. Pada peringkat pertama, provokasi datangnya daripada arwah Syed yang menerjah masuk ke laluan kereta Innova sehingga menyebabkan pergeseran dengan kereta Axia. Di peringkat kedua, jelasnya provokasi datangnya daripada OKT yang pada mulanya telah menendang kereta Axia dan bertubi-tubi menumbuk arwah Syed yang masih berada di dalam kereta Axia. Akhirnya di peringkat ketiga, provokasi datangnya daripada arwah Syed yang telah menghentam kereta Innova menggunakan kayu besbol walaupun perkelahian di antara mereka nampaknya telah reda sebelum itu.

**[60]** Undang-undang berkaitan dengan pembelaan yang melibatkan provokasi dalam satu kesalahan membunuh ada diperuntukkan di Kecualian 1 s. 300 KK yang peruntukannya ialah sepertimana berikut:

> Exception 1 - Culpable homicide is not murder if the offender, whilst deprived of the power of self-control by grave and sudden provocation, causes the death of the person who gave the provocation, or causes the death of any other person by mistake or accident.
>
> The above exception is subject to the following provisos:
>
> (a) that the provocation is not sought or voluntarily provoked by the offender as an excuse for killing or doing harm to any person;
>
> (b) that the provocation is not given by anything done in obedience to the law, or by a public servant in the lawful exercise of the powers of such public servant;
>
> (c) that the provocation is not given by anything done in the lawful exercise of the right of private defence.
>
> Explanation - Whether the provocation was grave and sudden enough to prevent the offence from amounting to murder, is a question of fact.

**[61]** Daripada huraian kepada Kecualian 1 s. 300 KK, jelaslah bahawa persoalan sama ada sesuatu provokasi itu terjumlah kepada provokasi yang besar dan mengejut adalah suatu persoalan fakta. Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Che Omar Mohd Akhir v. PP* [2007] 3 CLJ 281; [2007] 4 MLJ 309 (kes *Che Omar*) telah memutuskan:

> [14] The question whether the provocation was grave and sudden such as to make the accused to lose his self-control is a question of fact and not one of law (see explanation to Exception 1 to s. 300 of the PC; *Kuan Ted Fatt v. Public Prosecutor* [1985] 1 CLJ 150; [1985] CLJ (Rep) 174 FC). Each case is to be considered according to its own facts. The court must decide on the particular circumstances of that case whether the provocation was grave and sudden enough to permit an indulgent view of the crime committed by the accused, (see *Ratanlal & Dhirajlal, The Indian Penal Code*, 29th edn. 2002 p. 1194).

Mengenai ujian yang digunakan untuk menentukan sama ada sesuatu provokasi itu terjumlah kepada provokasi yang besar dan mengejut pula, Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Che Omar* seterusnya menyatakan:

> [15] The test of grave and sudden provocation was clearly stated in the Supreme Court case of *Lorensus Tukan v. Public Prosecutor* [1988] 1 CLJ (Rep) 162; [1988] 1 CLJ 143. Seah SCJ in delivering the judgment of the court said:
>
> > The test of 'grave and sudden' provocation is whether a reasonable man, belonging to the same class of society as the accused, placed in the situation in which the accused was placed would be so provoked as to lose his self-control (see *Nanavati v. State of Maharashtra* AIR [1962] SC 605, 530).
> >
> > In determining what amounts to grave and sudden provocation the court may take into account the habits, manners and feelings of the class or community to which the accused belongs, but not of the particular idiosyncrasies of the accused: *Madhavan v. State of Kerala* AIR [1966] Ker. 258 (260).
>
> [16] It is also said that the defence of provocation is a dual one: the alleged provocative conduct must be such as (i) actually causes in the accused, and (ii) might cause in a reasonable man, a sudden and temporary loss of self-control as the result of which he kills the deceased.
>
> [17] Thus, in order to successfully set up provocation as a defence for the reduction of the offence of murder to one of culpable homicide not amounting to murder, it is not enough to show that the accused was provoked into losing his self-control; it must be shown that the provocation was grave and sudden and must have by its gravity and suddenness caused a reasonable man to lose his self-control and induced him to do the act which caused the death of the deceased. In determining

A that question the court may also consider, along with other factors, the nature of the retaliation by the accused, having regard to the nature of the provocation.

(see *Ratanlal & Dhirajlal*, p 1192; *Vijayan v. Public Prosecutor* [1975] 1 LNS 189; [1975] 2 MLJ 8).

B **[62]** Berbalik kepada rayuan pendakwa raya di hadapan kami, TPR telah berhujah bahawa provokasi yang wujud daripada fakta kes lebih kepada provokasi yang berpanjangan dan ianya tidak terjumlah kepada provokasi yang besar dan mengejut. Kami mempunyai pandangan yang berbeza. Sepertimana yang telah kami nyatakan di dalam pandangan kami sebelum ini
C di perenggan [56] hingga perenggan [59], perkelahian di antara OKT dengan arwah Syed terbahagi kepada tiga peringkat dan di ketiga-tiga peringkat tersebut wujud elemen provokasi yang berbeza, didalangi oleh pihak yang berbeza. Kami selanjutnya berpandangan bahawa provokasi yang wujud pada episod malang yang menyebabkan arwah Syed dilanggar oleh OKT ialah
D provokasi dalam perkelahian di peringkat ketiga. Persoalannya, adakah provokasi di peringkat ketiga tersebut ialah provokasi yang besar dan mengejut sehinggakan OKT berjaya dalam pembelaannya untuk mengurangkan kesalahan membunuh kepada satu kesalahan mematikan orang secara salah yang tidak terjumlah kepada kesalahan bunuh menurut
E Kecualian 1 s. 300 KK?

**[63]** Sepertimana fakta material yang telah kami nyatakan di perenggan [57] dan perenggan [58] sebelum ini, perkelahian di peringkat kedua nampaknya telah reda selepas SP17 berjaya meleraikan mereka. Daripada video kejadian, jelas menunjukkan OKT telah mengundurkan kereta Innova untuk
F berlalu daripada situ. Malangnya, arwah Syed yang mula bertindak agresif selepas itu dengan mengeluarkan kayu besbol daripada but keretanya lalu menghentam dengan kuat kereta Innova. Daripada ekspresi raut wajah arwah Syed pada ketika itu yang dapat dilihat dalam video kejadian, jelas menunjukkan dia berang dengan tindakan OKT yang memukulnya sebelum
G itu. Tindakan arwah Syed yang berterusan menghentam dengan kuat kereta Innova sebanyak tiga kali pada pandangan kami ialah suatu provokasi yang boleh membangkitkan kemarahan yang besar dan mengejut di pihak OKT yang boleh menyebabkan dia hilang kawalan diri pada ketika itu. Kami juga berpandangan bahawa jika situasi yang sama berlaku kepada sesiapa sahaja yang munasabah yang tergolong dalam kelas yang sama dengan OKT, orang
H tersebut akan turut merasakan dirinya telah diprovokasi dan boleh menyebabkan kebangkitan marah yang besar dan mengejut sehinggakan hilang kawalan diri.

**[64]** Daripada fakta yang material, kami juga mendapati bahawa provokasi
I yang berbangkit tidaklah dicari-cari atau tidak dibangkitkan dengan sengaja oleh OKT sebagai satu helah untuk melanggar arwah Syed pada ketika itu. Sebelum peringkat ketiga perkelahian, OKT nampaknya berhasrat untuk

beredar pergi meninggalkan arwah Syed apabila mula mengundurkan keretanya. Jelasnya, provokasi di peringkat ketiga tersebut bukannya berpunca daripada OKT. Oleh itu, kami berpandangan bahawa fakta tersebut memihak kepada pembelaan OKT dan ianya tidak terjumlah kepada perlakuan seperti mana yang diperuntukkan di dalam proviso (a) Kecualian 1 s. 300 KK.

**[65]** Berasaskan kepada fakta-fakta yang material tersebut, kami mendapati OKT telah berjaya menunjukkan bahawa dia boleh bergantung kepada Kecualian 1 s. 300 KK. Pembelaan yang dikemukakan oleh OKT adalah selaras dengan kehendak yang diperuntukkan di dalam Kecualian 1 s. 300 KK. Dengan itu, OKT berjaya dalam pembelaannya untuk mengurangkan kesalahan membunuh kepada satu kesalahan mematikan orang secara salah yang tidak terjumlah kepada kesalahan membunuh.

**Kesimpulan**

**[66]** Berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan tersebut, kami mendapati dan memutuskan bahawa kedua-dua rayuan yang dikemukakan OKT dan juga pendakwa raya tidak bermerit untuk diberikan pertimbangan. Dapatan yang dicapai YA HMT di dalam keputusannya iaitu OKT didapati bersalah dan disabitkan menurut perenggan 304(a) KK adalah selamat untuk disahkan walaupun ianya diasaskan kepada alasan yang berbeza. Dengan itu, kami menolak kedua-dua rayuan yang dikemukakan oleh OKT dan pendakwa raya.

**Hukuman**

**[67]** Setelah mengambil kira fakta-fakta kejadian serta faktor-faktor peringanan dan pemberatan hukuman yang telah dihujahkan peguam OKT dan TPR, kami mendapati dan memutuskan untuk tidak mengusik hukuman pemenjaraan yang diputuskan oleh YA HMT. Pada pandangan kami, YA HMT tidak melakukan sebarang kekhilafan apabila memutuskan bahawa OKT perlu menjalani hukuman pemenjaraan selama 16 tahun daripada tarikh OKT ditangkap. Tempoh pemenjaraan tersebut pada pandangan kami tidaklah terlalu berat dan tidaklah terlaku ringan. Dengan itu, kami juga menolak rayuan OKT dan pendakwa raya terhadap hukuman yang diputuskan YA HMT. Kami mengesahkan dan mengekalkan hukuman yang diputuskan oleh YA HMT.